



DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA PENGUBAHSUAIAN DI
TINGKAT 15 PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

SEBUT HARGA MyCC(S) BIL: 5/2023

DISEDIAKAN OLEH :

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
TEL: 03-2273 2277
FAX: 03-2272 2293**

Peringatan :

PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (PEROLEHAN KERJA)

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal		
2	Cadangan Susun Atur dan Cadangan Lukisan 3D		
3	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)		
4	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)		
5	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Penyebut Harga		
6	Borang B – Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga		
7	Borang C – Data-Data Kewangan		
8	Borang D – Pengalaman Kerja		
9	Borang Sebut Harga Kerja		
10	Ringkasan Sebut Harga		
11	Jadual Harga		
12	Salinan Penyata Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir		
13	Lain-lain Dokumen Sokongan Kewangan (Sekiranya Ada)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat- syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN SURUHANJAYA

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA PENGUBAHSUAIAN DI TINGKAT 15 PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	Kenyataan Sebut Harga	5
2	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal	7
3	Cadangan Susun Atur dan Cadangan Lukisan 3D	17
4	Surat Akuan Pembida	19
5	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	21
6	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	22
7	Arahan Kepada Penyebut Harga	23
8	Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja	25
9	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Penyebut Harga	30
10	Borang B – Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga	32
11	Borang C – Data-Data Kewangan	33
12	Borang D – Pengalaman Kerja	34
13	Borang Sebut Harga Kerja	36
14	Ringkasan Sebut Harga	37
15	Jadual Harga	38
16	Salinan Penyata Kewangan 3 Bulan Terakhir (Julai hingga September 2023)	45

KENYATAAN SEBUT HARGA (MyCC(S) BIL: 5/2023)

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) **Gred G3** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (**PPK**) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) bagi menyertai sebut harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kelayakan	Tarikh Iklan Dan Tutup Sebut Harga
MyCC(S) BIL.5/2023	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA PENGUBAHSUAIAN DI TINGKAT 15 PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA	a) Kontraktor Tempatan b) Sijil CIDB Gred G3 c) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) d) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	a) Iklan dibuka pada 21 September 2023 (Khamis) b) Iklan ditutup pada 17 Oktober 2023 (12.00 tengahari)

- Dokumen-dokumen dan Borang Sebut Harga ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di pautan <https://www.mycc.gov.my/rfq-tender>
- Harga Indikatif Jabatan bagi perkhidmatan kerja ini adalah sebanyak **RM850,000.00**. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan **suatu anggaran sahaja** dan amaun tersebut tidak mengikat Suruhanjaya atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Suruhanjaya tidak menjamin bahawa penyebutharga akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- Kontraktor-kontraktor **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak pada **26 September 2023 (Selasa), 10.30 pagi** bagi mendapatkan maklumat dan gambaran berkaitan projek yang akan dilaksanakan kelak. Lawatan ke tapak lokasi hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pegawai Suruhanjaya. Alamat adalah di Tingkat 15 Menara SSM @ Sentral 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.
- Dokumen **Kategori Teknikal** dan **Kategori Kewangan** mestilah diserahkan sebanyak **tiga (3) salinan** dan hendaklah dimasukkan kedalam sampul yang berasingan ke alamat **Bahagian Khidmat Pengurusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Tingkat 15 Menara SSM @ Sentral 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur** tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada **17 Oktober 2023 (Selasa)** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas tarikh tutup sebut harga. Sebut harga mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ditanda "SEBUT HARGA NO: MyCC(S) Bil.5/2023".

LAMPIRAN A

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2

(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI TEKNIKAL

MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebutharga hendaklah memastikan dalam dokumen Kategori Teknikal **tidak menyatakan nama atau logo syarikat**. Kegagalan Penyebutharga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.5/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (✓)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal yang telah diisi dan dilengkapi Lampiran A1			
2.	Cadangan Susun Atur dan Cadangan Lukisan 3D Tingkat 15 Lampiran A2			

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL	SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI	PEMATUHAN		CATATAN
			YA	TIDAK	
1.0	PRELIMINARIES & GENERAL				
1.1	<u>INSURANCE / PROTECTION</u> - Public Liability Insurance - Contractor All Risks Insurance - Social Security Act (Socso) or Workmen’s Compensation Insurance	Lumpsum (L/S)			
1.2	<u>REPORT</u> To Provide Weekly Progress Report Complete with Picture for Progress Meeting or When Required.	(L/S)			
1.3	<u>MOBILISATION & DEMOBILISATION (ID Fit-Out works)</u> Removal/dismantle and demolition work of existing flooring as required.	(L/S)			
1.4	<u>CLEANING & CLEARING</u> To carry out cleaning and clearing work at the site.	(L/S)			
1.5	<u>WASTE MANAGEMENT/ RUBBISH REMOVAL</u> Managing waste / eliminating waste.	(L/S)			
1.6	<u>ACCELERATION</u> <u>Acceleration for works to be carried out on weekend/public holiday</u>	(L/S)			
1.7	<u>SITE MANAGEMENT</u>	(L/S)			
1.8	<u>AUTHORITY & PASSIVE BOMBA SUBMISSION ARCHITECT</u>	(L/S)			
1.9	<u>M&E CONSULTANCY & ACTIVE BOMBA SUBMISSION</u>	(L/S)			
1.10	<u>INTERIOR DESIGNER FEES</u> Interior Designer Fees :including 100 series drawing, FLP,LP, M&E,ACP,RCP including 3D design	(L/S)			

1.11	<u>OTHER (PLEASE SPECIFY)</u> a) b) c)	(L/S)			
2.0	DEMOLITION WORKS				
	Note : The Contractor is specifically requested to visit the site and ascertain for himself of Demolition described hereunder before pricing section. Demolition of the standard method of measurement and should note in particular that his rate should include for all shoring & scaffolding incidental to Demolition and for making good all other works so disturbed if needed.				
	To dismantle grid ceiling, gypsum board, plaster ceiling, doors, carpet tiles, roller blinds, lightings and dispose from site.	(L/S)			
	To dismantle office furniture, pantry cabinet, shelf, cart away debris and dispose off site.	(L/S)			
3.0	WALL FINISHES, PARTITIONS & GLAZING SYSTEM				
	Note : Rates are to include supply, labour, material and all necessary equipment to install following items. To make allowance for patterns, repeat and wastage where required. To allow for framing fixture and fitting suspension system and installation in all accessories with manufacturer's detail. All works to Client's drawing and approval.				
	Gypsum partition c/w 40kg/m ³ acoustic insulation and metal stud internally upto soffit slab height.	Lot			
	12mm thk frame glass panel and gypsum board partition on top upto soffit slab height.	Lot			
	Apply 1 undercoat & 2 layers finishing coats of selected emulsion paint to new partition, existing wall & column	Lot			
	To prepare wall and install selected wallpaper	Lot			
4.0	DOORS				
	Note : Supply and install selected door come with aluminium frame including necessary ironmongeries, door closer, fixing accessories.				
	900mm x 2400mmH single leaf solid core door in selected laminate finish *Subjected to client's approval. (TBD – To be discuss)	No.			
	1200mm x 2400mmH single leaf sliding door in selected laminate finish *Subjected to client's approval. (TBD – To be discuss)	No.			

5.0	CEILING FINISHES				
	Note : Rates are to include supply, labour, material and all necessary equipment to install following items. All works to Client's drawing and approval.				
	To supply and install 2 x 4 new grid ceiling	Lot			
	To supply and install 9mm thick design/flat fibrous plaster ceiling with L-box cum light	Lot			
6.0	FLOOR FINISHES				
	Note : Rate are to include supply, labour, material and all necessary equipment to install the following item. Hack and roughen existing flooring to receive new material. Work to include to smooth surface to receive new material.				
	a) Carpet Tiles	Lot			
	b) Vinyl Tiles	Lot			
	c) Levelling for vinyl	Lot			
	d) Inlay interface to different floor finishes	Lot			
	e) 50mm skirting timber in paint finish	Lot			
7.0	BUILT IN FURNITURE				
	Fabricate and construct customise build-in cabinet inclusive with supply labour, material, transportation and all fitting item.				
	Top & bottom pantry cabinet in white quartz top, laminate finish & colour back glass backsplash (Note: including sink & tap) Size : 6000L	(L/S)			
	To construct and install laminated conference table (29pax)	(L/S)			
	To construct and install reception counter in selected laminate finish Size : 3200L	(L/S)			
	To construct and install display cabinet in selected laminate finish (waiting area) Size : 3600L	(L/S)			
	To construct and install feature green wall in selected laminate finish and artificial leaves (Lounge room) Size : 4500L	(L/S)			
8.0	LOOSE FURNITURE				
	Note : Loose furniture inclusive with supply labour, material, transportation and all fitting item.				
	a) Pantry Table Size : 1000L X 1000W	No.			

	<i>b) Pantry Chair</i>	No.			
	<i>c) Pantry High Stool</i>	No.			
	<i>d) Pantry High bar table Size : 4000L X 500W</i>	No.			
	<i>e) 3 seater sofa Size : 1800L</i>	Set			
	<i>f) single seater sofa Size : 900L</i>	Set			
	<i>g) Coffee table</i>	No.			
	<i>h) Bench type sofa Size : 1500L</i>	No.			
	<i>i) Bench type sofa Size : 3000L X 1100W</i>	No.			
	<i>j) Discussion table Size : 2300L X 450W</i>	No.			
	<i>k) High bar table Size : 2500L X 450W</i>	No.			
9.0	OFFICE FURNITURE				
	Note : Loose furniture inclusive with supply labour, material, transportation and all fitting item.				
	<i>Rectangular top in selected finished 1200L X 700W</i>	No.			
	<i>Discussion table 2800L X 1000W</i>	No.			
	<i>Mobile Pedestal</i>	No.			
	<i>L-Shape Manager table 2000L X 1600W with attached side cabinet</i>	No.			
	<i>High cabinet 900L X 450D X 2000H</i>	No.			
	<i>Low cabinet 900L X 450D X 2000H</i>	No.			
	<i>Cabinet with Planter box 900L X 450D X 1000H</i>	No.			
	<i>Meeting chair</i>	No.			
	<i>To dismantle, relocate and reinstall compactus to Store "Dokumen Bertutup"</i>	No.			

10.0	ELECTRICAL SERVICES & LIGHT FITTINGS				
	Note : Carefully examine the entire electrical system in 15th floor and replcae fittings and cables as below necessary.				
	To dismantle and dispose existing power supply tray and conduit.	(L/S)			
	To supply and install new lighting points using 2x1.5mm2 cable+E in uPVC conduit (estimated)	No.			
	To supply and install new selected light fittings:- i. LED Downlight ii. 2x4 LED Top Mirror Reflector fitting C/W LED Tube X 2 iii. Selected Linear Pendant Light iv. LED Strip Light v. Emergency light fitting vi. KELUAR sign vii. Linear strip light	No.			
	To supply and install 13A switch socket outlet using 2 x 2.5mm2 cable+E in uPVC conduit.	No.			
	To supply and install 13A switch socket outlet using 2 x 2.5mm2 cable+E in uPVC conduit for security system.	No.			
	Modification of existing DB complete with necessary MCB and separate ELCB to suit new layout power and lighting requirements.	No.			
	Testing & Commissioning	(L/S)			
11.0	VOICE & DATA (STRUCTURAL CABLING)				
	To supply and install cat 6 cable for data point c/w modular jack, face plate in PVC conduit.	(L/S)			
	Cat 6 cable for data point c/w modular jack, face plate in PVC conduit for security system	(L/S)			
	To supply and install voice point	(L/S)			
	Hacking and plastering works	(L/S)			
	Testing and Commissioning	(L/S)			
12.0	FIRE PROTECTION SERVICES				
	Relocation of existing sprinkler points c/w piping and fittings	No.			
	To supply and install new sprinkler points c/w piping and fittings	(L/S)			

	<i>Sprinkler discharge and recharging fee imposed by the building management.</i>	(L/S)			
13.0	AIR-CONDITIONING & MECHANICAL VENTILATION SERVICES				
	<i>Relocation of existing 600x600 square supply diffusers</i>	No.			
	<i>Relocation of existing 600x600 square return diffusers</i>	No.			
	<i>To supply and install new 600x600 supply air diffusers c/w flexible ducting</i>	No.			
	<i>To supply and install new 600x600 return air diffusers</i>	No.			
	<i>Modification & alteration to existing duct works</i>	Lot			
	<i>Air-cond balancing</i>	Lot			
	<i>Testing & Commissioning</i>	(L/S)			
14.0	MISCELLANEOUS				
	<i>To supply and install manual roller blinds (sunscreen)</i> • Area: All perimeter length • Size: 13700mmL x 3000mmHt	Lot			
	<i>To supply and install room signage</i>	Lot			
	<i>Frosted sticker to Glass panel & Glass door (40% from glass partition)</i>	Lot			

LAMPIRAN A1 (1)

ANGGARAN KEPERLUAN RENOVASI TINGKAT 15 PEJABAT MyCC

NO	BAHAGIAN	KEPERLUAN	JUMLAH PEGAWAI	CATATAN
1	Pejabat Pengarah Kanan Pengurusan	Bilik Pengarah (Gred 54) Meja Gred 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 1 2	PA
1	Bahagian Khidmat Pengurusan (MSD)	Bilik Pengarah (Gred 52) Bilik KPP (Gred 48) HR Meja Gred 44 HR Meja Gred 41 / 29 / 19 Admin Meja Gred 41 / 29 / 19 Admin Meja Gred 11 Akaun Meja 44 Akaun Meja Gred 41 / 29 / 19 IT Meja Gred 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 1 1 4 4 4 2 6 4 27	1 bilik tertutup 1 bilik tertutup 1 bilik tertutup
2	Komunikasi dan Advokasi (CAD)	Bilik Ketua Bahagian (Gred 48) Meja Gred 44 Meja Gred 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 1 6 8	
3	Penggabungan & Pengambilalihan (M&E)	Bilik Pengarah (Gred 54) Bilik KPP (Gred 48 / 52) Meja Gred 44 Meja Gred 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 3 2 14 20	*Bersebelahan dengan BED *Ruangan dokumen *Ruangan tv bloomberg etc2 *Berdekatan bilik perbincangan
4	Perniagaan & Ekonomi (BED)	Bilik Pengarah (Gred 52) Bilik KPP (Gred 48) Meja Gred 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 2 5 8	*Bersebelahan M&E *Berdekatan bilik perbincangan
5	Integriti dan Audit Dalam (IIAU)	Meja 44 Meja 41 / 29 / 19 JUMLAH	1 2 3	1 bilik tertutup
6	Pejabat KPE (CEOO)	Bilik KPE (Jusa) Bilik Pejabat KPE Meja Gred 48 Meja Gred 41 Meja Gred 11 JUMLAH	1 1 1 1 4	Wajah baharu Dalam 1 bilik bersebelahan bilik KPE - gabung dan besarkan * guna laluan ke bilik <i>chairman</i> * satu bilik utk gred 48 & 2 staff (gred 41 & 11) - melalui pintu <i>sliding</i>

7	Pejabat Pengerusi (<i>Chairman</i>)	Bilik <i>Chairman</i> (Jusa)	1	Wajah baharu Laluan baharu
		JUMLAH	1	
		Jumlah Keseluruhan Ruang Pekerja	73	
8	Bilik Mesyuarat Utama		1	32 org - IOI shape - meja & kerusi baharu
9	Bilik Perbincangan		1	1 bilik perbincangan – 8 org (Berdekatan dgn BED dan M&E)
10	Bilik Perbincangan KPE		1	1 bilik berbincangan – 8 org (Bersambung dgn bilik KPE)
11	Setor dokumen bertutup (<i>Compactor room</i>)	Untuk 5 bahagian dalam satu kawasan	1	Menggunapakai <i>compactor</i> sedia ada utk kesemua bahagian
12	Stor peralatan pejabat		1	Untuk simpanan aktif aset & peralatan IT - Berdekatan MSD
13	Stor dokumen aktif		2	Untuk 1 HR 1 Akaun (berdekatan MSD)
14	Surau / Ruang Solat Wanita		1	Kekalkan atau buat ruangan baharu
15	Bilik <i>Lounge Area</i> - MOC		1	Ruang rehat MOC - memuatkan 6 org (termasuk <i>high table</i> - <i>café style</i>) Gabung bilik sebelah Ruang solat tertutup untuk Wanita
16	Perpustakaan Mini		1	Ruangan buku cermin tertutup & ruang perbincangan terbuka
17	<i>Dry & Wet Pantry</i>		1	
18	Ruang <i>reception</i> & ruang tetamu		1	Berwajah baharu & kecilkan kawasan <i>reception</i>

Nota*


Susunan Perjawatan MyCC

Jusa A
Jusa B
Jusa C
Gred 54
Gred 52
Gred 48
Gred 44
Gred 41
Gred 29
Gred 19
Gred 11

Nota Keperluan

1. Setiap Gred 48 dan keatas hendaklah mempunyai bilik
2. Gred 44 saiz meja lebih besar dari gred 41
3. Gred 41 saiz meja sama sehingga gred 19
4. Gred 11 saiz meja kecil sahaja

PELAN LANTAI ASAL TINGKAT 15

[illegible]

 CAWANGAN ARKITEK JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA	PENGARAH II CAWANGAN ARKITEK	KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN	PROJEK	TAJUK LUKISAN :				NO. LUKISAN				
	BAHARUDIN B. ABDUL JAUJIL	AR. ZURAINA LEILI BT. AWALLUDDIN	KERJA-KERJA UBAHSUI PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN DI TINGKAT 15, BANGUNAN SSM, KL SENTRAL, KUALA LUMPUR	PELAN LANTAI				CA /14/W12/007/ PL15/01				
	PENOLONG PENGARAH KANAN	PENOLONG PENGARAH (ARKITEK)										
	NORSHAYATI BT. OMAR	AMIR FARID BIN SABUDDIN										
				DILUKIS	DISEMAK	TARIKH	SKALA	PINDAAN				
				Radzis	Amir	Jan 2012	as shown	A				

PELAN LANTAI TERKINI TINGKAT 15



CADANGAN SUSUN ATUR (*LAYOUT*) DAN CADANGAN LUKISAN 3D

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2***(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*****KATEGORI KEWANGAN****MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.5/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (✓)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Surat Akuan Pembida Lampiran B1			
2.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Lampiran B2			
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Lampiran B3			
4.	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Penyebutharga Lampiran B4			
5.	Borang B - Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga Lampiran B5			
6.	Jadual Harga bagi Perolehan Kerja Ubahsuai Di Tingkat 15 Pejabat MyCC Lampiran B6			
7.	Salinan Penyata Akaun Bank Bagi tiga (3) Bulan terakhir dilabelkan Lampiran B7			

SURAT AKUAN PEMBIDA**BAGI****SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA PENGUBAHSUAIAN DI TINGKAT
15 PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)****SEBUT HARGA : MyCC(S) Bil.5/2023**

Saya, *(Nama Wakil Syarikat)* _____ nombor
kad pengenalan _____ yang mewakili *(Nama Syarikat)*
_____ no.pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) _____ dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:-

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 Juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

SALINAN SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)

SALINAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan lengkap:-

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Senarai Pengalaman Kerja,
- e) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- f) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- g) Surat Akuan Pembida.

Jika berlaku pembetulan / pindaan ke atas kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani secara ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda. Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di Borang Sebut Harga diberi keutamaan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan yang telah diisi dengan lengkap dan sempurna sebanyak **tiga (3) salinan** hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan dan seterusnya dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat bersaiz besar yang berlakri (*sealed*) yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **MyCC (S) Bil.5/2023** serta tajuk sebut harga.
- b) Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.**

- c) Serahan Dokumen Sebut Harga secara emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- d) Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebut Harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- e) SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan

SURUHANJAYA adalah muktamad.

- f) **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari**, pada **17 Oktober 2023 (Selasa)**.
- g) Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai yang berkenaan untuk penjelasan lanjut:-

Encik Khairul Ezzanie Bin Ishak

Tel: 03-2273 2201

Emel: ezzanie@mycc.gov.my

ATAU

Cik Noor Haffini Binti Mohd Noor

Tel: 03-2273 2222

Emel: haffini@mycc.gov.my

3. **TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh **tidak melebihi 90 hari** atau suatu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

4. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

5. **TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

6. **MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

7. **HARGA TAWARAN**

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Suruhanjaya dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Suruhanjaya semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Suruhanjaya berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Suruhanjaya atau Wakilnya.

3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan
- (vi) Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

